



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
**SULTAN IDRIS**  
الجامعة السلطانية للدراسات الإسلامية سلطان ابراهيم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



# **PELAN STRATEGIK**

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

# **2015-2020**



## KANDUNGAN

|   |       |    |
|---|-------|----|
| KATA ALU-ALUAN NAIB CANSELOR  | ..... | 5  |
| KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT                                     | ..... | 6  |
| LATAR BELAKANG UPSI   | ..... | 8  |
| • Visi, Misi, Moto, Matlamat  |       |    |
| • Piagam Pelanggan  |       |    |
| • Polisi dan Objektif Kualiti   |       |    |
| • Nilai Bitara  |       |    |
| PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENGAJIAN TINGGI), KPM                             | ..... | 15 |
| PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2015-2020 (PSUPSI 2015-2020)           | ..... | 21 |
| • Keber tanggungjawaban Pelan Strategik UPSI 2015-2020                                    | ..... | 25 |
| • Teras 1 – Memartabat UPSI Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan                        | ..... | 26 |
| • Teras 2 – Mempertingkatkan Kualiti Graduan Yang Holistik dan Seimbang                   | ..... | 32 |
| • Teras 3 – Melonjak Kecemerlangan Pendidikan, Penerbitan, Perundingan dan Pengkomersilan | ..... | 35 |
| • Teras 4 – Memerkasa Jaringan Industri dan Masyarakat                                    | ..... | 38 |
| • Teras 5 – Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus  | ..... | 40 |
| RUMUSAN   | ..... | 46 |



## ALU-ALUAN NAIB CANSELOR



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, UPSI telah berjaya menyiapkan naskhah Pelan Strategik UPSI bagi tahun 2015 hingga 2020 yang mendokong 10 Ijonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dikesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan Pelan Strategik UPSI 2015-2020 ini.

UPSI menyokong penuh hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, untuk mentransformasikan Malaysia agar menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Justeru, penghasilan Pelan Strategik UPSI 2015-2020 dengan menetapkan beberapa Teras, Objektif Strategik, Strategi dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu usaha yang seiring dengan matlamat negara menuju wawasan 2020.

Kerjasama semua pihak perlu digembeling sepenuhnya bagi menjayakan Pelan Strategik UPSI 2015-2020 ini, dengan melaksanakan setiap KPI yang telah ditetapkan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan halatuju UPSI untuk menjadi Peneraju Universiti Pendidikan di Asia menjelang tahun 2020 serta memenuhi visinya menjadi Universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Zakaria bin Kasa  
Naib Canselor

## ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bismillahirrahmanirrahim, hasil daripada beberapa siri bengkel dan sebahagian sumbang saran bersama warga UPSI dan penglibatan Lembaga Pengarah Universiti, maka terbentuklah Pelan Strategik UPSI 2015-2020. Pelan ini telah meletakkan asas yang kukuh berpaksikan kepada 5 teras utama yang mendokong 10 lonjakan teras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang telah dilancarkan pada 7 April 2015 oleh Y.A.B Perdana Menteri.

Pelan Strategik UPSI ini mempunyai 5 teras iaitu Memartabatkan UPSI Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan, Mempertingkatkan Kualiti Graduan Yang Holistik dan Seimbang, Melonjak Kecemerlangan Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan, dan Pengkomersilan, Memerkasa Jaringan Industri dan Masyarakat dan Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

Pelan Strategik ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa inisiatif yang dilaksanakan memenuhi tuntutan negara untuk mempertingkatkan kualiti bakat (iaitu graduan UPSI) yang diperlukan demi mencapai hasrat negara berpendapatan tinggi.

Justeru itu, kerjasama semua dalam berkongsi ilmu dan memberi komitmen yang tinggi adalah amat diperlukan. Akhir kata, ucapan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan Pelan Strategik UPSI 2015-2020 dapat direalisasikan pelaksanaannya.

Wasalam.

Dr. Husni bin Ibrahim  
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat



## LATAR BELAKANG UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 132 & 133, bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua Perintah, iaitu Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997. Penubuhan Universiti adalah bagi memenuhi keperluan peningkatan sumber daya manusia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan bersahsiah mulia dalam bidang-bidang sains, teknologi, pengurusan serta bidang-bidang bahasa kesusastraan, kesenian dan kebudayaan dengan pendekatan khusus kepada penguasaan ilmu, teori dan amali pendidikan. Bagi menjalankan perintah kerajaan menerusi Warta Kerajaan P.U (A) 132 & 133 bertarikh 24 Februari 1997, maka mulai Mei 1997, tertubuhlah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dikenali dengan nama singkatannya UPSI.



### Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Majlis Pecah Tanah Kampus Sultan Azlan Shah telah disempurnakan oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 22 April 2002. Dalam titah perasmianya baginda telah mengumumkan nama kampus utama UPSI sebagai Kampus Sultan Abdul Jalil Shah yang lokasinya di Tanjung Malim manakala untuk kampus baru di Proton City diberi nama Kampus Sultan Azlan Shah.



### Kampus Sultan Azlan Shah

Kampus Sultan Azlan Shah telah dirancang bermula sejak Rancangan Malaysia Ke-8 lagi. Dengan adanya kampus baru ini, infrastruktur pengajaran dan pembelajaran di UPSI dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih sempurna sejajar dengan kehendak kerajaan bagi memperkasa dan meningkatkan mutu pendidikan institut pengajian tinggi awam.

Pada 20 Februari 2012, Kampus Sultan Azlan Shah dengan rasminya beroperasi dengan menempatkan beberapa fakulti seperti Blok 1 - Blok 6 untuk Fakulti Sains & Matematik, Blok 7 - Blok 9 untuk Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Blok 10 untuk Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Dewan Kuliah Berpusat, Dewan Besar dan Panggung Percubaan, Kafetaria, Rotu Balai Pengawal dan Pos Pengawal, Pusat Pelajar, Pusat Komputer, Surau dan Pusat Islam.

Kampus ini terletak kira-kira 8 km dari kampus sedia ada iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Tapak yang bertempat di Bandar Baru Proton City ini akan memberikan satu impak pembangunan kepada kawasan sekitar terutamanya kepada bandar Proton City. Kampus yang berdekatan dengan Pusat Komersial Bandar Proton dan Kilang Proton ini juga lengkap dengan kawasan berlatar belakangkan kehijauan Banjaran Titiwangsa yang segar dan mengasyikkan. Keindahan sumber alam semulajadi ini akan memberikan satu persekitaran yang sempurna untuk menambah nilai dalam proses pembelajaran pelajar. Kampus baru ini telah dirasmikan dengan jaya dan penuh bersejarah oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 16 Jun 2012.

## VISI

Menjadi Universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global.

## MISI

Menjana dan menatar ilmu menerusi pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat, dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai wawasan negara.

## MOTO

"Komited Membawa Perubahan Dalam Pendidikan"

## MATLAMAT

Untuk mencapai misi di atas, Universiti berazam dan beritlizam :

- Mengutamakan keikhlasan intelek dan kejujuran sikap dalam aktiviti meneroka sambil menyoal kembali kebenaran yang telah diterima selama ini bagi menjana, mengembang dan memperdalam ilmu;
- Mewujudkan kesinambungan sumbangan yang berterusan bagi membangun dan memperkaya ilmu terutamanya menerusi bahasa Melayu dalam pelbagai bidang;
- Menatar dan berkongsi ilmu melalui aktiviti-aktiviti kesarjanaan, termasuk perangkaian maklumat, penyelidikan, penerbitan dan perundingan dalam dan luar negara;
- Membina potensi individu bagi menjadikannya berilmu, berketerampilan, berbakat tinggi, berakhhlak mulia dan bersemangat patriotis;
- Menggerakkan komunitinya supaya lebih prihatin betapa perlunya mereka menyumbang khidmat kepada masyarakat dan negara, terutama ke arah pemupukan semangat patriotis dan nasionalistik untuk membina sebuah bangsa Malaysia dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

## PIAGAM PELANGGAN UPSI

Kami berjanji dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap, profesional, beretika dan mesra kepada pelanggan kami seperti berikut :

1. Menawarkan program pendidikan berkualiti yang holistik.
  - 80% kebolehpasaran graduan dalam tempoh 6 bulan
  - Semua program mendapat Akreditasi MQA
2. Menawarkan persekitaran pembelajaran dan prasarana yang kondusif.
  - 100% bilik pembelajaran dilengkapi dengan teknologi pendidikan dan berhawa dingin
  - 60% pelajar mendapat penginapan dalam kampus
  - 98% daripada kawasan pembelajaran mendapat capaian kemudahan wifi
  - 100% bahan bacaan dalam *reading list* disediakan di perpustakaan
  - Semua pelajar mendapat kemudahan riadah dan rekreasi
  - Semua pelajar disediakan kemudahan kesihatan dalam kampus
3. Menyediakan staf akademik dan pentadbiran yang berkelayakan dan berkualiti.
  - 60% pensyarah memiliki PhD
  - 100% staf mencapai 42 jam jumlah mata CPD
4. Memupuk budaya kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.
  - Setiap pensyarah wajib menjalankan penyelidikan dan dibantu untuk mendapatkan geran penyelidikan
  - 30% pensyarah menjadi Ketua Penyelidik
5. Cadangan dan aduan rasmi diberi maklum balas dalam tempoh 1 hari bekerja.
6. Memberi layanan mesra dan profesional.
  - 85% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan.
7. Komited dalam memberi khidmat masyarakat.
  - Bertindak segera terhadap bencana alam dalam tempoh 24 jam
  - Jumlah khidmat masyarakat sekurang-kurangnya 10 kali penglibatan

## POLISI KUALITI UPSI

UPSI berlitzam menjadi universiti yang bitara dalam kepimpinan pendidikan menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan semua proses sokongan secara berterusan dan berkualiti untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam perlaksanaan SPK MS ISO 9001:2008.

## OBJEKTIF KUALITI UPSI

UPSI adalah komited untuk melahirkan pendidik yang berkualiti tinggi dan dapat memenuhi standard profesionalisme yang telah ditetapkan. Dengan itu UPSI akan memastikan :-

1. Akademik
  - 1.1. Nisbah pensyarah-pelajar bagi jumlah pelajar sepenuh masa adalah seperti yang ditetapkan oleh MQA.
  - 1.2. Sekurang-kurangnya 95% pelajar sepenuh masa peringkat Ijazah Sarjana Muda bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan.
  - 1.3. Memastikan 95% pensyarah mendapat penilaian baik (sekurang-kurangnya 80%) dalam penilaian pembelajaran oleh pelajar untuk setiap semester.
  - 1.4. Memastikan semua kursus mendapat penilaian baik (sekurang-kurangnya 80%) dalam penilaian kursus oleh pelajar untuk setiap semester.
  - 1.5. Mencapai sekurang-kurangnya 95% jumlah kursus yang ditawarkan bagi tahap baik di dalam indeks pemantauan hasil pembelajaran (CLOM) bagi setiap semester.
  - 1.6. Sekurang-kurangnya 75% daripada staf akademik sebagai penyelidik utama.
  - 1.7. Memastikan setiap pensyarah menghasilkan artikel ilmiah sama ada dalam jurnal atau prosiding berdasarkan KPI pensyarah.
2. Penerbitan
  - 2.1. Mencapai 80% terbitan manuskrip ilmiah dalam tempoh 6 bulan selepas menerima manuskrip pembetulan selepas penilaian daripada penulis.
3. Penyelidikan
  - 3.1. Sekurang-kurangnya 80% penyelidikan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
4. Aktiviti Sokongan
  - 4.1. Sekurang-kurangnya 80% pelajar berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.
  - 4.2. Sekurang-kurangnya 85% staf dan pelajar UPSI berpuas hati dengan persekitaran di UPSI.
  - 4.3. 100% staf UPSI (Tetap dan Kontrak) memenuhi mata minimum CPD yang ditetapkan.
  - 4.4. Mencapai tahap lima (5) bintang dalam penarafan SETARA.
  - 4.5. Memastikan 100% cadangan dan aduan rasmi diberi maklum balas dalam tempoh satu (1) hari bekerja.





**PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
(PENGAJIAN TINGGI) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 merupakan dokumen strategik yang sedang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 11 tahun bermula dari 2015 sehingga 2025. Ia adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara. Pelan ini mengandungi 10 lonjakan iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, Kecemerlangan Bakat, Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat, Graduan TVET Berkualiti, Kemampunan Kewangan, Pemantapan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Keunggulan Global, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dan Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Lonjakan ini akan menyokong lima aspirasi sistem pendidikan yang memberi tumpuan kepada akses, ekuiti, kualiti, kecekapan dan perpaduan bagi memangkin transformasi dan ia boleh menentukan masa depan yang lebih cemerlang untuk negara Malaysia.

## 10 Lonjakan



#### **LONJAKAN 1 - Graduan Holistik , Berciri Keusahawanan dan Seimbang**

- Membangunkan graduan yang seimbang dari segi akhlak dan ilmu dengan meningkatkan minda berpandukan nilai dan keusahawanan.
- Dilaksanakan menerusi kurikulum yang ditambah baik, kerjasama industri yang dikembangkan dan program pembelajaran melalui pengalaman, berserta kerangka penilaian bersepadu baharu yang melihat ke arah pembangunan holistik.

#### **LONJAKAN 2 - Kecemerlangan Bakat**

- Memberi fokus kepada langkah-langkah yang akan diambil oleh sistem pendidikan tinggi Malaysia untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi.
- Membangunkan laluan kerjaya yang berbeza untuk pengajar, penyelidik, pemimpin akademik dan pengamal melalui pengiktirafan kepelbagaian dalam kecemerlangan serta menerima pelbagai model kecemerlangan institusi (contoh, institusi penyelidikan berbanding institusi pengajaran).

#### **LONJAKAN 3 - Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat**

- Menetapkan strategi Kementerian bagi memastikan akses berekuiti kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui (i) menyediakan peluang pembelajaran yang lebih fleksibel (ii) meningkatkan bilangan biasiswa, bursar dan insentif kepada pelajar (iii) meningkatkan kualiti piawaian bagi program sedia ada; dan (iv) membangunkan kesedaran dan minat di kalangan awam.

#### **LONJAKAN 4 - Graduan TVET Berkualiti**

- Bagi memenuhi keperluan negara untuk lebih ramai pekerja mahir di bawah Program Transformasi Ekonomi akan memerlukan peningkatan 2.5 kali ganda dalam enrolmen TVET menjelang 2025.
- Kementerian akan (i) membolehkan reka bentuk kurikulum dan model penyampaian yang diterajui oleh industri.; (ii) mengukuhkan kerangka kelayakan melalui MQA; (iii) meningkatkan bilangan dan kualiti program yang ditawarkan oleh IPT dan kolej vokasional; dan (iv) mempromosikan TVET sebagai laluan yang berdaya maju dan menarik.

### **LONJAKAN 5 - Kemampunan Kewangan**

- Malaysia perlu menyampaikan pendidikan berkualiti tinggi kepada pelajar seramai dua kali ganda pada satu-satu masa dalam suasana kos yang meningkat.
- Meningkatkan kecekapan, Kementerian akan menghubungkan pembiayaan kerajaan dengan prestasi, dan membenarkan IPT mendapatkan sumber-sumber pembiayaan lain seperti endowmen dan pembiayaan industri.
- Ia juga akan membuat pembaharuan terhadap PTPTN untuk menambah baik bayaran balik pinjaman dan meningkatkan sokongan kewangan kepada pelajar yang paling memerlukan.

### **LONJAKAN 6 - Pemantapan Tadbir Urus**

- Kementerian akan menumpukan kepada peranannya sebagai pengawal selia dan penggubal dasar, menurunkan kuasa membuat keputusan yang lebih besar kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), di samping meningkatkan akauntabiliti IPT berdasarkan set keberhasilan yang telah dipersetujui dan dinyatakan dalam kontrak prestasi.
- Penurunan ini akan dilakukan secara berperingkat berdasarkan tahap kesediaan dan juga rekod prestasi institusi. Kementerian juga akan mengukuhkan kerangka jaminan kualiti bagi IPTS dan menghubung akses kepada pembiayaan kerajaan (contoh, pinjaman PTPTN) dengan prestasi.

### **LONJAKAN 7 - Ekosistem Inovasi**

- Membolehkan institusi pendidikan dan penyelidikan, syarikat dan komuniti untuk mendapat dan membentuk perkongsian sumber bagi memupuk, membangun dan memasarkan idea baharu yang boleh menjana pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara.
- Untuk memudahcaraikan hal ini, Kementerian akan (1) memberi tumpuan dalam mewujudkan skala dan pertumbuhan dalam beberapa bidang penyelidikan utama negara; (2) memainkan peranan dalam meningkatkan pelaburan swasta; dan (3) mewujudkan ekosistem sokongan sebagai penggerak inovasi seperti pejabat pemindahan teknologi, mekanisme pemantauan data dan pembangunan bakat.

#### **LONJAKAN 8 - Keunggulan Global**

- Dalam pendidikan tinggi memerlukan empat elemen – kebolehlihatan, pengiktirafan, kecemerlangan dan pengembangan.
- Untuk memanfaatkan elemen ini, Kementerian akan mengukuhkan promosi, pemasaran dan nilai usul bagi sistem pendidikan Malaysia; mengenalpasti cara untuk meningkatkan enrolmen bagi pelajar antarabangsa berkaliber tinggi; dan menubuhkan ikatan yang lebih kukuh dengan komuniti pendidikan tinggi global.

#### **LONJAKAN 9 - Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global**

- Masa depan pembelajaran dalam talian bagi sistem pendidikan tinggi Malaysia adalah berpaksikan kepada piawaian kualiti global, peningkatan akses serta ekuiti yang memastikan kumpulan yang kurang berpeluang dapat memanfaatkannya.
- Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian berhasrat untuk menjadikan pembelajaran dalam talian dan “blended learning” sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas Massive Open Online Courses (MOOCs).

#### **LONJAKAN 10 - Tranformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi**

- Dalam memberikan lebih tumpuan ke atas penggubalan peraturan dan dasar, Kementerian akan (a) mewujudkan struktur organisasi yang lebih dinamik dengan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan bakat yang diperlukan; (b) menaik taraf infrastruktur berpusat secara berterusan untuk kemasukan pelajar, biasiswa, komunikasi strategik; (c) mendefinisikan proses penetapan piawaian serta pemantauan yang diperkuuh; dan (d) menubuhkan program untuk menguruskan dan memastikan pelan pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan.




**PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2015-2020  
(PSUPSI 2015-2020)**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berhasrat untuk menjadi universiti peneraju dalam pendidikan di Asia pada tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, satu pelan strategik yang komprehensif telah dirangka agar menjelang tahun 2020 beberapa kejayaan berjaya dicapai. Antara sasaran kecemerlangan universiti menjelang 2020 ialah:



Pelan Strategik UPSI dirangka dan dibangunkan dalam tempoh enam (6) tahun yang melibatkan tiga fasa seperti berikut:-



Pelan Strategik UPSI 2015-2020 ini akan dipantau dan dibuat analisis mengenai pencapaian dan penambahbaikan secara berkala. Proses penilaian serta pemantauan dilakukan dan dilaporkan melalui **Pembentangan Pencapaian KPI** dan **Penilaian Pelan Strategik** dalam tempoh empat (4) kali setahun seperti perancangan berikut:



Demi melonjak dan memerkasakan UPSI, Pelan Strategik UPSI 2015-2020 mempunyai lima (5) teras yang akan diberi penekanan. Kelima-lima teras tersebut adalah seperti :-

## TERAS 1

- Memartabat UPSI Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan

## TERAS 2

- Mempertingkat Kualiti Graduan Yang Holistik Dan Seimbang

## TERAS 3

- Melonjak Kecemerlangan Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan Dan Pengkomersilan


## TERAS 4

- Memerkasa Jaringan Industri Dan Masyarakat

## TERAS 5

- Mempertingkat Kualiti Tadbir Urus

## KEBERTANGGUNGJAWABAN PELAN STRATEGIK UPSI 2015-2020



## TERAS 1

- Memartabat UPSI Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan

| OBJEKTIF STRATEGIK        | JUMLAH STRATEGI | JUMLAH KPI |
|---------------------------|-----------------|------------|
| OS 1                      | 4               | 6          |
| OS 2                      | 5               | 3          |
| OS 3                      | 14              | 7          |
| OS 4                      | 3               | 2          |
| OS 5                      | 3               | 2          |
| OS 6                      | 4               | 2          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>33</b>       | <b>22</b>  |

| <b>TERAS 1 : MEMARTABATKAN UPSI SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN</b> |  |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |
|--|--|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|
| <b>OBJEKTIF 1</b>  | Penawaran program pengajian yang berkualiti dan relevan.   |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |
| <b>STRATEGI</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan program-program pengajian yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah.</li> <li>Menghasilkan program yang <i>multidisciplinary</i> (pelbagai disiplin) yang boleh dipasarkan dalam pasaran yang lebih luas.</li> <li>Menawarkan lebih banyak program Ijazah Sarjana Muda berteraskan kandungan.</li> <li>Penubuhan Pusat Intensif Bahasa Inggeris.</li> </ul> |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |                                       |
|  | <b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA</b>   | <b>TAKE OFF VALUE (2014)</b>          | <b>SASARAN PETUNJUK PRESTASI</b>      |                                       |                                       |                                       |                                       |
|  |  |                                       | <b>2015</b>                           | <b>2016</b>                           | <b>2017</b>                           | <b>2018</b>                           | <b>2019</b>                           |
| ➤ Jumlah penawaran program pengajian yang mempunyai nilai tambah.          | KPI Baharu   | 4                                     | 6                                     | 7                                     | 8                                     | 9                                     | 10                                    |
| ➤ Jumlah enrolmen pelajar ISM.   | 10,308   | 11,029                                | 12,109                                | 13,344                                | 14,705                                | 16,322                                | 18,117                                |
| ➤ Jumlah program pengajian ISM.  | 64   | 64<br>(54 Pendidikan,<br>10 Industri) | 70<br>(55 Pendidikan,<br>15 Industri) | 75<br>(57 Pendidikan,<br>18 Industri) | 80<br>(58 Pendidikan,<br>22 Industri) | 85<br>(60 Pendidikan,<br>25 Industri) | 90<br>(60 Pendidikan,<br>30 Industri) |
| ➤ Jumlah program pascasiswazah.  | 41   | 41 (260)                              | 43 (265)                              | 43 (270)                              | 45 (275)                              | 45 (280)                              | 47 (285)                              |
| ➤ Jumlah enrolmen pascasiswazah.   | 4,574  | 5497<br>(500 antarabangsa)            | 6035<br>(550 antarabangsa)            | 6638<br>(600 antarabangsa)            | 7315<br>(650 antarabangsa)            | 8105<br>(700 antarabangsa)            | 8996<br>(750 antarabangsa)            |
| ➤ Bilangan aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Intensif Bahasa Inggeris.   | KPI Baharu   | 0                                     | 10                                    | 20                                    | 30                                    | 40                                    | 50                                    |

|  |  |                                  |                                  |     |     |     |     |     |
|--|--|----------------------------------|----------------------------------|-----|-----|-----|-----|-----|
| <b>OBJEKTIF 2</b>  | UPSI sebagai pusat rujukan yang berkaitan dengan pendidikan guru.  |                                  |                                  |     |     |     |     |     |
| <b>STRATEGI</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Merealisasikan agenda Sekolah Makmal mengikut acuan UPSI.</li> <li>Meningkatkan kualiti dan kepakaran pensyarah pendidikan.</li> <li>Meningkatkan penyelidikan dan pentaksiran dalam bidang pendidikan berimpak tinggi.</li> <li>Memperlihatkan elemen inovasi dalam pengajaran.</li> <li>Meningkatkan bilangan penerbitan ilmiah dalam kalangan akademia.</li> </ul> |                                  |                                  |     |     |     |     |     |
| <b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA</b>   |  | <b>TAKE OFF VALUE<br/>(2014)</b> | <b>SASARAN PETUNJUK PRESTASI</b> |     |     |     |     |     |
| > Jumlah ahli akademik yang dilantik sebagai Profesor Adjung/ Pelawat. |  | 5                                | 8                                | 10  | 12  | 14  | 16  | 18  |
| > Bilangan penyelidikan berteraskan pendidikan.                        |  | 0                                | 50                               | 100 | 150 | 200 | 250 | 300 |
| > Jumlah penerbitan buku ilmiah yang dihasilkan.                       |  | 0                                | 30                               | 60  | 70  | 80  | 90  | 100 |

|  |  |                              |                                  |             |             |             |             |             |
|--|--|------------------------------|----------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| <b>OBJEKTIF 3</b>                                  | Mengantarabangsakan UPSI.  |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>STRATEGI</b>                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempergiat promosi universiti di luar negara melalui pelbagai saluran.</li> <li>Mengadakan promosi dan strategi berfokus kepada negara-negara yang berpotensi untuk membawa masuk pelajar antarabangsa.</li> <li>Melibatkan secara aktif peranan alumni mempromosi UPSI ke luar negara.</li> <li>Meningkatkan keperluan pelajar antarabangsa seperti program berkualiti, perkhidmatan berkualiti dan keperluan hirarkikal pelajar antarabangsa.</li> <li>Bergerak aktif dalam persatuan-persatuan antarabangsa seperti ASAIHL, CUSAC dan ACU.</li> <li>Memberi perhatian untuk mendapatkan pengiktirafan profesional akademik oleh badan-badan antarabangsa.</li> <li>Berusaha memperolehi kedudukan yang lebih baik di dalam <i>QS University Ranking</i>.</li> <li>Penglibatan UPSI secara aktif bersama Pihak Kementerian yang berkaitan dalam program-program pengantarabangsaan seperti melalui program <i>Education Malaysia</i>.</li> <li>Mengantarabangsakan pelajar/graduan UPSI sama ada dengan memasarkan mereka ke luar negara atau melalui <i>outreach programme</i>.</li> <li>Menggalakkan penguasaan Bahasa Melayu kepada semua pelajar antarabangsa.</li> <li>Membanyakkan program antarabangsa secara pertukaran pelajar (<i>student exchange</i>).</li> <li>Menjadi juara dalam isu-isu global berkaitan pendidikan.</li> <li>Menjalankan kolaborasi strategik (MoU/MoA) dengan universiti terkemuka luar negara.</li> <li>Menggalakkan <i>outbound staf</i> (tidak termasuk pembentangan kertas kerja).</li> </ul> |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA</b>                     |  | <b>TAKE OFF VALUE (2014)</b> | <b>SASARAN PETUNJUK PRESTASI</b> |             |             |             |             |             |
|  |  |                              | <b>2015</b>                      | <b>2016</b> | <b>2017</b> | <b>2018</b> | <b>2019</b> | <b>2020</b> |
| ➤ Jumlah pelajar antarabangsa.                     | 256  | 224(1000)                    | 1100                             | 1200        | 1300        | 1400        | 1500        |             |
| ➤ Jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa.       | 136  | 114(500)                     | 550                              | 600         | 650         | 700         | 750         |             |
| ➤ Kedudukan UPSI dalam QS World Ranking.           | KPI baharu   | 0                            | 500                              | 400         | 300         | 200         | 100         |             |
| ➤ Kedudukan UPSI dalam QS Asia Ranking.            | KPI baharu   | 0                            | 300                              | 200         | 100         | 50          | 10          |             |
| ➤ Jumlah <i>Outbound Staf</i> .                    | KPI baharu   | 5                            | 10                               | 15          | 20          | 25          | 30          |             |
| ➤ Bilangan pelajar post-doctoral dari luar Negara. | KPI baharu   | 0                            | 1                                | 1           | 2           | 2           | 2           |             |
| ➤ Jumlah staf antarabangsa.                        | 31   | 31                           | 32                               | 32          | 33          | 33          | 34          |             |

|  |   |                              |                                  |             |             |             |             |             |
|--|---|------------------------------|----------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| <b>OBJEKTIF 4</b>  | Memerkasa program pendidikan sepanjang hayat.   |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>STRATEGI</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menawarkan dengan lebih banyak peluang dan ruang pembelajaran kepada semua lapisan masyarakat.</li> <li>Menggalakkan setiap Fakulti menjalankan program berorientasikan pendidikan sepanjang hayat.</li> <li>Meningkatkan bilangan peserta menyertai program pembelajaran untuk semua lapisan masyarakat.</li> </ul> |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA</b>   |   | <b>TAKE OFF VALUE (2014)</b> | <b>SASARAN PETUNJUK PRESTASI</b> |             |             |             |             |             |
|  |   |                              | <b>2015</b>                      | <b>2016</b> | <b>2017</b> | <b>2018</b> | <b>2019</b> | <b>2020</b> |
| ➤ Bilangan penganjuran program PSH (Kursus jangka pendek).                 | 0   | 0                            | 90                               | 135         | 180         | 225         | 270         |             |
| ➤ Bilangan peserta luar yang menyertai program PSH (Kursus jangka pendek). | 0   | 0                            | 1800                             | 2700        | 3600        | 4500        | 5400        |             |

|  |   |                              |                                  |             |             |             |             |             |
|--|---|------------------------------|----------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| <b>OBJEKTIF 5</b>  | Meningkatkan keupayaan dan kualiti program latihan dan pendidikan teknikal dan vokasional (LPTV).   |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>STRATEGI</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengembangkan kurikulum pendidikan guru TVET.</li> <li>Menjadikan program TVET sebagai pilihan utama pelajar.</li> <li>Meningkatkan bilangan pensyarah/guru yang berkualiti bagi bidang TVET.</li> </ul> |                              |                                  |             |             |             |             |             |
| <b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA</b>   |   | <b>TAKE OFF VALUE (2014)</b> | <b>SASARAN PETUNJUK PRESTASI</b> |             |             |             |             |             |
|  |   |                              | <b>2015</b>                      | <b>2016</b> | <b>2017</b> | <b>2018</b> | <b>2019</b> | <b>2020</b> |
| ➤ Bilangan program dengan SKM 2.   | KPI baharu  | 4                            | 5                                | 6           | 7           | 8           | 9           |             |
